



**1 September 2009 (Selasa)**

## **Jumlah hakim akan dikurangkan**

Oleh SUWARNI MOKHTAR pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Bilangan hakim di negara ini akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat dengan pengenalan empat sistem berkomputer di mahkamah bagi membolehkan setiap kes diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi berkata, pelaksanaan sistem tersebut membolehkan para hakim yang mengendalikan kes-kes tertunggak memberikan tumpuan lebih kepada pengendalian kes mereka tanpa diganggu dengan kes baru. Empat sistem tersebut ialah E-Filing, Sistem Pengurusan Kes (CMS), Transkripsi Rakaman Mahkamah (CRT) dan Sistem Pengurusan Aturan (QMS).

"Kes-kes lama akan berjalan mengikut aturan pengendalian cara lama manakala hakim baru tertumpu untuk mengendalikan kes-kes baru. Sebaik sahaja kes-kes tertunggak diselesaikan, jumlah hakim juga dapat dikurangkan. "Apa yang perlu sekarang, kita perlu menjadikan sistem ini lebih efisien sebelum jumlah hakim dapat dikurangkan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan dua Mahkamah Tinggi Dagang Baru (NCC) di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini hari ini. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Hakim Besar Malaya, Tan Sri Arifin Zakaria; Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk James Foong dan Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Md. Raus Sharif.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 133 orang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman yang bertugas di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Negara ini mempunyai lebih 400 buah mahkamah termasuk mahkamah rendah. Ujar Zaki, sistem perkomputeran itu yang menelan belanja RM69 juta akan turut dibangunkan di 166 buah Mahkamah Tinggi termasuk di Selangor, Pulau Pinang dan Johor sebelum penghujung tahun ini.

Beliau menyatakan, pelaksanaan sistem tersebut dapat mengurangkan kos mahkamah yang ketika ini anggaran perbelanjaan termasuk elaun kenderaan dan pembantu setiap hakim adalah melebihi RM50,000 sebulan. Mengenai penubuhan NCC, Ketua Hakim Negara berkata, kes-kes dagang yang didaftarkan mulai hari ini akan didengar oleh dua mahkamah tersebut manakala kes-kes lama akan terus didengar oleh hakim Mahkamah Tinggi Dagang sedia ada. Ujarnya, penubuhannya bertujuan meningkatkan kecekapan penyelesaian kes-kes melibatkan kontrak antara syarikat yang merupakan elemen penting dalam pembangunan ekonomi negara sekali gus menarik lebih banyak pelaburan asing.

Beliau berkata, setiap kes akan dibicarakan dalam tempoh kurang enam bulan dari tarikh ia didaftarkan manakala kes-kes yang tidak bersedia untuk dibicarakan, jika perlu akan dibatalkan. Sementara itu, Presiden Majlis Peguam, Ragunath Kesavan yang turut hadir pada majlis itu menyambut baik usaha untuk menaik taraf sistem pengurusan mahkamah di negara ini. Beliau menyatakan, perlaksanaan sistem-sistem tersebut dapat membantu pihak peguam dalam menyelesaikan kes dengan lebih pantas.

## 2 September 2009 (Rabu)

### Pengurusan PKFZ terlalu lemah, kata PAC

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) mendapati pengurusan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) amat lemah manakala banyak amalan pengurusan projek besar yang sepatutnya ada tidak wujud. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, kesimpulan itu diperoleh selepas bekas Pengerusi PKFZ yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pelabuhan Klang, Datin Paduka O.C.Phang selesai memberi keterangan. "Amat jelas dalam perbincangan tadi, pengurusan projek ini amat lemah dan banyak amalan pengurusan projek besar yang sepatutnya ada dalam profesion pengurusan projek, nampaknya tidak ada. "Oleh kerana itu, kita dapatkan peningkatan kos begitu ketara dan menjadi satu masalah yang hari ini pun menjadi satu isu yang besar yang dihadapi kerajaan," katanya.

Antara kelemahan paling ketara, kata Azmi, ialah ketiadaan unjuran pendapatan dan perbelanjaan bagi projek sebesar PKFZ. "Jika tak ada unjuran ini, kita seolah-olah berjalan dalam gelap dan ini adalah satu projek yang mengandaikan perolehan pendapatan bagi membolehkan bayaran balik dibuat kepada pihak yang mengeluarkan wang. Jadi kalau tak ada unjuran pendapatan dan perbelanjaan atau aliran tunai, kita tak tahu di mana kesilapan kita," katanya.

PKFZ, sebuah hab pemindahan ke kapal yang dibina di tapak seluas 405 hektar di Pelabuhan Klang, diselubungi kontroversi ekoran pendedahan bahawa kos pembangunannya melonjak daripada RM2.5 bilion kepada RM4.6 bilion. LPK membeli 400 hektar tanah PKFZ di Pulau Indah daripada Kuala Dimensi Sdn. Bhd. dengan kos RM25 bagi setiap kaki persegi. Syarikat itu kemudiannya dilantik sebagai pemaju projek berkenaan. - Bernama

## **2 September 2009 (Rabu)**

### **PKFZ: Phang disoal siasat**

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini menjalankan soal siasat terhadap bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Datin Paduka O.C. Phang berhubung skandal projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Hasil soal siasat yang berlangsung kira-kira lima jam di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Bangunan Parlimen di sini, mendapati projek PKFZ diurus dengan sangat lemah ketika kumpulan pengurusannya dipimpin oleh Phang. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid memberitahu, banyak amalan pengurusan projek besar yang sepatutnya ada dalam profesion pengurusan projek dilihat tiada dalam pengurusan projek PKFZ.

"Kami dapati teknik pengurusan projek PKFZ termasuk pengurusan kewangannya tidak baik dan sangat lemah meskipun projek itu dapat disiapkan dalam masa yang cepat iaitu daripada lapan tahun kepada dua tahun. "Selain itu, wakil-wakil kerajaan yang terlibat dalam pengurusan projek PKFZ tidak mengambil berat tentang projek itu dan hanya bersikap lepas tangan sahaja," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di sini hari ini.

Azmi berkata, antara amalan yang perlu diketahui oleh sesuatu pihak yang hendak menguruskan projek besar adalah unjuran pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai supaya projek berkenaan dapat dipantau. "Sesuatu projek akan dibangunkan tanpa hala tuju jika tiadanya amalan-amalan tersebut. Unjuran pendapatan dan aliran tunai adalah sangat penting bagi memastikan pihak pengurusan projek dapat membayar balik pinjaman bank," jelasnya.

## **3 September 2009 (Khamis)**

### **PKFZ: Tee Keat beri keterangan**

Oleh THOMAS CHONG pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 3 Sept. - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat hari ini dipanggil memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu penyelewengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Tee Keat turut memberi keterangan mengenai dakwaan beliau menerima derma berjumlah RM10 juta daripada Ketua Pengawai Eksekutif Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB), Datuk Seri Tiong King Sing. Beliau yang juga Presiden MCA berkata, pegawai siasatan SPM mengambil masa dua jam untuk mengambil keterangannya berhubung latar belakang dan kronologi isu PKFZ. "Siasatan hari ini ini adalah mengenai PKFZ termasuk tohmahan Ketua Pegawai Eksekutif KDSB bahawa saya telah menerima derma bernilai RM10 juta daripadanya. "Ini merupakan

kali pertama saya memberi keterangan mengenai isu ini, saya bagaimanapun sedia memberi maklumat tambahan kepada SPRM pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas selesai memberi keterangan di ibu pejabat SPRM di sini hari ini. SPRM pada bulan lepas mengambil keterangan King Sing berhubung dakwaannya bahawa Tee Keat menerima sumbangan bernilai RM10 juta bagi pihak MCA. Tee Keat yang menyangkal dakwaan itu telah menyaman King Sing dan menuntut ganti rugi sebanyak RM500 juta kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah terhadapnya. Mengulas lanjut, Tee Keat berkata, beliau tidak menyerahkan apa-apa dokumen kepada SPRM hari ini kerana semua dokumen berkaitan telah diserahkan lebih awal. "Sejak awal lagi, saya telah memberitahu bahawa saya sedia bekerjasama untuk menyiasat isu PKF." Sementara itu, Tee Keat enggan memberi ulasan mengenai krisis kepimpinan yang berlaku antara dirinya dengan bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek. "Saya akan menemui ahli-ahli MCA di Kelantan petang ini," katanya.

## **3 September 2009 (Khamis)**

### **PAC soal siasat dua bekas pengerusi LPK**

KUALA LUMPUR 3 Sept. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini meneruskan soal siasat berhubung isu penyelewengan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dengan memanggil dua bekas Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) untuk memberi keterangan. Kedua-dua mereka iaitu Tan Sri Dr. Ting Chew Peh dan Datuk Yap Pian Hon telah hadir memberi keterangan dalam sesi soal siasat yang berlangsung hampir empat jam di Bilik Jawatankuasa 1, Bangunan Parlimen di sini.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid memberitahu, Chew Peh dan Pian Hon dipanggil untuk memberi keterangan berhubung soal penglibatan Lembaga Pengarah PKFZ dalam melaksanakan projek tersebut termasuk pengaliran maklumat daripada pihak pengurusan kepada ahli lembaga. "Pian Hon memberitahu kami bahawa dakwaan wakil-wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah PKFZ tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam mewakili kerajaan adalah tidak benar. "Pian Hon juga menyatakan wakil-wakil kerajaan tersebut telah menimbulkan banyak persoalan berhubung projek PKFZ ketika beliau menjadi pengerusi LPK," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat PAC di sini hari ini.

Azmi berkata, pihaknya pernah memanggil wakil-wakil kerajaan terbabit untuk mendapatkan input daripada mereka dan wakil kerajaan yang terdiri daripada pegawai itu didapati tidak tahu langsung mengenai projek PKFZ dan hanya menghadiri mesyuarat yang diadakan sahaja. "Mungkin apa yang dikatakan oleh Pian Hon adalah benar ketika beliau menjadi Pengerusi LPK iaitu dari tahun 2004 hingga 2007 kerana isu PKFZ telah bangkit dalam media secara besar-besaran pada masa itu," katanya.

Menurutnya, Pian Hon juga memberi gambaran jelas tentang kerelaan pihak pengurusan projek PKFZ untuk memberi maklumat kepada ahli lembaga pengarah dan gambaran yang diperoleh seolah-olah menunjukkan maklumat tidak disampaikan meskipun ia diminta secara bertulis. "Kami dapat banyak keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan projek PKFZ seperti kontrak dan perjanjian ditandatangani mereka terlebih dahulu dan lembaga pengarah hanya dimaklumkan mengenai perkara tersebut selepas itu. "Justeru PAC perlu melihat kembali tatacara pengurusan projek PKFZ sama ada pihak pengurusan mempunyai kuasa mutlak untuk berbuat demikian memandangkan ia tidak sama dengan amalan pengurusan yang biasa," katanya.

Azmi memberitahu, amalan pengurusan yang biasa diamalkan adalah apabila sebarang dasar diperturunkan oleh kementerian kepada lembaga pengarah maka keputusannya dibuat oleh pihak lembaga manakala pelaksanaannya dilaksanakan oleh pihak pengurusan. "Pihak pengurusan projek PKFZ pula sebagai contohnya membayar tuntutan untuk projek berkenaan termasuk tuntutan daripada pihak kontraktor terlebih dahulu sebelum memaklumkan kepada lembaga pengarah malah ia melibatkan tuntutan sehingga berjuta-juta ringgit," katanya.

## **4 September 2009 (Jumaat)**

### **Kerajaan lulus pembangunan Taman Teknologi Tinggi Senai**

KUALA LUMPUR 4 Sept. - MMC Corporation Bhd. (MMC) telah menerima kelulusan kerajaan untuk membangunkan taman berteknologi tinggi kedua negara yang terletak di Johor. Menurut kenyataan MMC kepada Bursa Malaysia, anak syarikatnya Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd. telah menerima pemberitahuan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk meneruskan projek pembangunan taman berteknologi tinggi itu. "Taman tersebut yang merupakan taman teknologi tinggi kedua Malaysia dikenali sebagai Taman Teknologi Tinggi Senai. "Pembangunan tersebut akan membentuk kawasan yang penting dalam Iskandar Malaysia dan akan dipasarkan di peringkat antarabangsa serta di mesyuarat dua hala antara Malaysia dan Singapura," katanya.

Tambah kenyataan itu, projek taman teknologi tinggi akan menyumbang secara positif kepada pendapatan Kumpulan. Sebelum ini, taman teknologi tinggi pertama negara terletak di Kulim, Kedah. Taman teknologi tinggi itu bertujuan untuk menarik pelaburan industri penerbangan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk reka bentuk litar integrasi, pembuatan berteknologi tinggi, perubatan bio dan bioteknologi, industri solar serta tenaga boleh baru. Kemudahan lain termasuk pusat perubatan swasta, sekolah antarabangsa, hotel dan pusat beli belah bebas cukai.

## **4 September 2009 (Jumaat)**

### **Polis bekukan akaun KDSB**

Oleh ASSIM HASSAN assim.hassan@utusan.com.my

SUBANG JAYA 4 Sept. - Polis Diraja Malaysia (PDRM) membekukan beberapa akaun yang dipercayai menjadi bukti dalam siasatan kes berhubung Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan hari ini mengesahkan mengenai perkara itu dan siasatan mengenai kes itu masih berjalan. Katanya, polis terpaksa melakukan pembekuan akaun terbabit bagi membantu siasatan itu. "Saya mengesahkan mengenai pembekuan beberapa akaun dalam PKFZ dan siasatan masih lagi dijalankan. "Hanya ini dahulu yang saya boleh komen kerana ia masih lagi dalam siasatan," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan bungkusan Hari Raya peringkat PDRM 2009 di sini hari ini.

Difahamkan, polis telah membekukan akaun berjumlah RM140 juta milik Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB). Pada 26 Ogos lalu, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Datuk Lee Hwa Beng membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa lima pihak berkonspirasi dalam isu penyelewengan PKFZ. Hwa Beng berkata, pihaknya akan menggunakan semua saluran perundangan yang ada untuk mencabar tuntutan berjumlah RM1.4 bilion yang didapati bermasalah.

## **4 September 2009 (Jumaat)**

### **Kuala Dimensi dapat nasihat perundangan**

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Kontraktor siap guna Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) sedang mendapatkan nasihat berhubung perintah pembekuan akaun yang dikenakan ke atasnya daripada aspek undang-undang. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KDSB, Datuk Faizal Abdullah yang mengesahkan beberapa akaun KDSB dibekukan berkata, pembekuan berkenaan berkuat kuasa lewat tengah hari semalam.

"Kami menganggap ini sebagai sebahagian daripada proses siasatan dan kami sedang memberikan kerjasama penuh kepada polis. "Bagaimanapun, kami berasa terganggu dengan laporan yang disiarkan oleh akhbar *The Star Online* hari ini yang mendedahkan kandungan dan maklumat sulit yang terkandung dalam perintah pembekuan berkenaan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini. Tambah beliau, KDSB berasa terganggu dengan penyiaran berkenaan memandangkan siasatan yang sedang berjalan hanyalah antara pihak polis dan KDSB. "Pada masa yang sama, KDSB sedang mendapatkan khidmat nasihat berhubung perintah pembekuan berkenaan daripada sudut undang-undang," jelasnya.

Hari ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengesahkan bahawa polis telah membekukan beberapa akaun yang dipercayai menjadi fakta dalam siasatan kes berhubung isu PKFZ. KDSB merupakan kontraktor siap guna projek PKFZ yang kini sedang disiasat berhubung isu dakwaan penyelewengan. PKFZ merupakan sebuah zon bersepadu komersial dan perindustrian bebas seluas 400 hektar yang terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Klang. Ia terbabit dalam kontroversi setelah kos pembangunannya meningkat daripada RM2.5 bilion kepada RM4.6 bilion. Selain pihak polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menjalankan siasatan berhubung isu PKFZ.

## **4 September 2009 (Jumaat)**

### **Tee Keat lapor hasil siasatan PKFZ**

PUTRAJAYA 4 Sept. - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat hari ini menemui Datuk Seri Najib Tun Razak selama sejam untuk melaporkan hasil siasatan isu penyelewengan dalam Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Tee Keat bagaimanapun menegaskan, perbincangan dengan Perdana Menteri tidak meliputi perkembangan semasa MCA serta kemungkinan pelantikan orang tengah untuk menyelesaikan krisis kepimpinan parti itu. "Tidak, tidak (berbincang mengenai MCA) dan sila jangan menambahkan imaginasi anda (pemberita) pada kenyataan saya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyambung keterangannya berhubung isu PKFZ di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini hari ini. Tee Keat memberi keterangan selama dua jam bermula pukul 8.30 pagi sebelum bergegas ke Pejabat Perdana Menteri bagi melaporkan hasil siasatan isu PKFZ kepada Najib. Tee Keat berkata, hari ini merupakan kali terakhir beliau memberi keterangan kepada SPM berhubung isu PKFZ. "Saya menyambung keterangan saya pada hari ini kerana sesi pengambilan keterangan yang dijalankan semalam telah ditangguhkan kerana saya perlu bergegas ke Kelantan. "Proses pengambilan keterangan saya telah habis pada hari ini, saya bagaimanapun sedia bekerjasama sekiranya SPM masih memerlukan saya," katanya.

## **5 September 2009 (Sabtu)**

### **Isu PKFZ dibentang ke Kabinet Rabu ini**

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Kerajaan akan membuat beberapa keputusan susulan berhubung isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) selepas laporan lengkap siasatan polis dan pasukan bertindak yang dibentuk oleh kerajaan dikeluarkan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, siasatan masih lagi berjalan dan antara tindakan yang telah diambil, pihak polis telah bertindak membekukan akaun milik pemaju siap guna PKFZ iaitu Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB). "Saya akan membentangkan kes tersebut pada mesyuarat Kabinet Rabu

ini," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan ke kuarters Jabatan Kerja Raya (JKR) Batu 2 1/2 Jalan Cheras di sini hari ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan semalam mengesahkan polis telah membekukan beberapa akaun yang dipercayai menjadi bukti dalam siasatan kes berhubung PKFZ. Ujar Musa, polis terpaksa melakukan pembekuan akaun terbabit bagi membantu siasatan kes berkenaan. Difahamkan, polis telah membekukan akaun berjumlah RM140 juta milik KDSB.

Pada 26 Ogos lalu, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (PKA), Datuk Lee Hwa Beng telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa lima pihak berkonspirasi dalam isu penyelewengan PKFZ. Sementara itu di Putrajaya semalam, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat telah menemui Perdana Menteri selama sejam bagi melaporkan hasil siasatan isu penyelewengan PKFZ. Pada sidang akhbar itu juga, Najib turut menyatakan mengenai keperluan kerajaan memikirkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi masa depan PKFZ.

## 5 September 2009 (Sabtu)

### **Pembekuan akaun sudah dijangka - KDSB**

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) telah menjangka akaun syarikat itu akan dibekukan oleh pihak berkuasa untuk siasatan kes berhubung Zon Bebas Pelabuhan Kelang (PKFZ). Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Faizal Abdullah berkata, jangkaan itu berdasarkan kepada kempen yang dilakukan oleh media tertentu sebelum ini dengan mendapatkan beberapa pihak untuk mendesak hukuman dikenakan ke atas KDSB. "Jadi apa yang boleh kami buat sekarang adalah mendapatkan nasihat peguam berhubung perintah pembekuan akuan yang dikenakan ke atas KDSB semalam," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) membekukan beberapa akaun pemaju KDSB, yang dipercayai menjadi bukti dalam siasatan kes berhubung PKFZ. Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan memberitahu, pihaknya masih meneruskan siasatan lanjut mengenai kes tersebut dan meminta semua pihak bersabar sehingga siasatan selesai. Difahamkan, jumlah keseluruhan akaun yang dibekukan itu adalah berjumlah RM140 juta dan perkara tersebut sudah dimaklumkan oleh Musa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam. Pada 26 Ogos lalu, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Lee Hwa Beng membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendakwa lima pihak berkonspirasi dalam isu penyelewengan PKFZ termasuk KDSB. Hwa Beng berkata, pihaknya akan menggunakan semua saluran perundangan yang ada untuk mencabar tuntutan berjumlah RM1.4 bilion ke atas projek PKFZ yang didapati bermasalah.

Menurut Faizal, pihaknya tidak dapat meramalkan sejauh mana operasi KDSB akan terjejas berikutan pembekuan akuan syarikat itu pada masa ini memandangkan tindakan tersebut

baru diambil oleh pihak polis semalam. "Saya dinasihatkan oleh peguam syarikat untuk tidak memberi terlalu banyak komen mengenainya kerana kes ini sedang dalam siasatan polis. Bagaimanapun, kami akan memberi penjelasan lanjut pada masa yang sesuai. "Kami menyerahkan kepada peguam syarikat untuk mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai di samping terus memberi sepenuh kerjasama kepada pihak polis dalam hal ini," katanya.

## **5 September 2009 (Sabtu)**

### **RM28 juta untuk bina kuarters baru JKR - PM**

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Sebanyak RM28 juta diperuntukkan bagi membina kuarters baru untuk menempatkan kira-kira 120 keluarga kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang kini menetap di kuarters sedia ada yang uzur di Batu 2 1/2, Cheras di sini. Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas menghabiskan masa kira-kira setengah jam membuat tinjauan mesra di kuarters berkenaan.

"Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Datuk Shaziman (Abu Mansor) telah memaklum kepada saya tentang kedudukan kakitangan JKR yang tinggal di dalam kuarters yang begitu buruk dan terhimpit kedudukan mereka. "Oleh itu, beliau mencadangkan supaya saya membuat tinjauan pada hari ini untuk melihat sendiri akan keadaan yang terpaksa dilalui oleh kakitangan JKR.

"Sukacita saya maklumkan bahawa berdasarkan keperluan dan keprihatinan kerajaan untuk mengatasi masalah perumahan untuk kakitangan kerajaan pada amnya dan khususnya untuk kakitangan JKR, maka tindakan segera akan diambil untuk membangunkan semula kuarters baru di kawasan Batu 4 1/2, Jalan Sungai Besi yang melibatkan 120 unit kelas G," katanya kepada pemberita.-Bernama.

## **7 September 2009 (Isnin)**

### **MSC jana hasil RM730 juta**

PUTRAJAYA 7 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang kini mengandungi 183 syarikat di bawahnya berjaya memperoleh hasil sebanyak RM730 juta dengan nilai eksport RM125 juta selain menyediakan 7,115 peluang pekerjaan. Justeru, menurut Perdana Menteri, kejayaan itu membuka peluang cerah kepada negara untuk berkembang maju dalam industri kandungan digital, iaitu salah satu sumber baru dalam e-Ekonomi. Katanya, Malaysia berpotensi besar dalam industri ini berdasarkan kejayaan yang dicapai dalam Inisiatif Kreatif Multimedia MSC (M-CMCI).

"Syarikat-syarikat MSC Malaysia telah terlibat dalam pelbagai projek bertaraf dunia dan berjaya mencipta protokol Internet (IP) sendiri selain usaha sama dengan syarikat antarabangsa untuk menghasilkan animasi komputer yang kreatif dan permainan digital. "Salah satu inisiatif diambil di bawah M-CMCI adalah penubuhan Pusat Kandungan Kreatif Multimedia Malaysia (MAC3)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di sini hari ini. Syarikat-syarikat berstatus MSC mengkhusus kepada bidang-bidang pos produksi, animasi, pembangunan permainan digital, e-Pembelajaran dan kandungan kreatif.